

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, July 2, 2019 3:08 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Audit Susulan Swaakreditasi Nilai Tahap Pematuhan Universiti



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

2 JULAI 2019 / 28 SYAWAL 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

AUDIT SUSULAN SWAAKREDITASI NILAI TAHAP PEMATUHAN UNIVERSITI



UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) mengakhiri audit susulan Swaakreditasi yang berlangsung selama dua hari sejak 30 Jun bagi melihat tahap pematuhan universiti ke atas syarat-syarat yang diberikan bersama Perakuan Swaakreditasi pada 2017.

Sehubungan itu, Sesi Penutup Audit Susulan Swaakreditasi telah diadakan di Bilik Senat bagi pembentangan hasil audit susulan yang diketuai Prof. Ir. Dr. Shahrir Abdullah dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bersama seorang auditor dan dua pegawai dari MQA.

Dalam pembentangan itu, beliau berkata, semua panel auditor berpuas hati dengan sistem yang telah dilaksanakan oleh UUM.

Menurutnya, skop penilaian mengandungi dua perkara iaitu menilai tahap pelaksanaan proses-proses sistem Swaakreditasi yang telah dibangun dan dilaksanakan UUM serta

melihat status tindakan yang telah diambil UUM terhadap laporan audit Swaakreditasi yang dijalankan sebelum ini.

"Dalam laporan ini diberikan dalam bentuk dua jadual iaitu jadual pertama, melihat tentang sistem dan melihat tindakan yang diambil dalam menangani beberapa pemerhatian dapatan-dapatan yang dilaporkan dalam laporan audit lepas.

"Untuk syarat umum untuk proses Swaakreditasi, kami telah menilai sistem dan proses yang telah dijalankan UUM dan mengambil maklum bahawa UUM turut mewujudkan beberapa proses untuk akreditasi sementara bagi 14 program dan akreditasi penuh bagi enam program," katanya yang turut menekankan tentang governan.

Selain itu beberapa syor dan cadangan penambahbaikan diberikan untuk tindakan pihak universiti dan laporan penuh kepada audit yang berlangsung selama dua hari itu akan dikeluarkan oleh pihak MQA kepada universiti.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Ayoib Che Ahmad mengucapkan terima kasih kepada semua warga UUM yang terlibat secara langsung dan tidak langsung bagi memastikan audit susulan Swaakreditasi berjalan lancar.

Katanya, UUM akan berusaha menambahbaik berdasarkan pandangan juruaudit supaya UUM dapat memenuhi keperluan standard dan syarat ditetapkan MQA.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.